

15/06/2002

PM serah kepada BPR (HL)

Kadir Dikoh

SUBANG, Jumaat - Kerajaan menyerahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk mendakwa bekas Pengarah Urusan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja), Tan Sri Eric Chia jika cukup bukti dia terbabit dalam kes penyelewengan RM76.4 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru pulang daripada lawatan ke Switzerland berkata, adalah tidak kena bagi dirinya untuk memperkatakan soal itu.

"Tak tahulah, itu terpulang kepada BPR. Anda tanya ini semua, saya nak kata pun tak kena," katanya ketika ditanya sama ada Eric Chia akan didakwa jika sudah cukup bukti setelah lawatannya ke negara itu membawa perkembangan positif terhadap siasatan kes Perwaja.

Isnin lalu, pada sidang akhbar bersama Presiden Switzerland, Kaspar Villinger di Bern, Dr Mahathir berkata negara itu sedia membantu pihak berkuasa Malaysia mendapat maklumat daripada bank Swiss mengenai mana-mana deposit wang yang disyaki diperoleh secara haram.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, antara maklumat yang ingin diperoleh Kerajaan Malaysia ialah berhubung kes Perwaja Steel setelah mendapati dana syarikat itu disimpan dalam bank di Switzerland.

Laporan akhbar ini semalam menyebut persetujuan untuk mengemukakan pegawai bank Switzerland sebagai saksi penting itu diperoleh dalam perbincangan BPR dengan Pejabat Kehakiman Persekutuan (FOJ) di Zurich kelmarin.

Perkembangan terbaru itu dijangka membantu BPR menyelesaikan siasatan kes berkenaan, yang mula difailkan sejak 1996 selepas laporan mengenainya diterima pada 1980.

Perwaja mula disiasat BPR dan polis pada 1996 apabila kerajaan mengarahkan siasatan dibuat ke atas syarikat itu. BPR dilaporkan sudah memanggil lebih 50 orang, termasuk Eric Chia sebanyak dua kali, untuk membantu siasatan.

Dr Mahathir berkata, pihak berkuasa Switzerland akan memberi kerjasama penuh untuk memberi maklumat berkaitan semua transaksi kewangan yang berlaku di negara itu.

Katanya, terpulang kepada BPR sama ada untuk memanggil beberapa pegawai bank di Switzerland untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan kes penyelewengan Perwaja.

BPR sebelum ini dikatakan menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat berhubung deposit wang yang disyaki diperoleh secara tidak sah kerana Switzerland mempunyai undang-undang rahsia perbankan yang ketat.

Isu Perwaja terbongkar selepas syarikat audit, Coopers and Lybrand mengeluarkan laporan mengenai ketidakupayaan syarikat pengeluar besi keluli itu membayar hutang.

BPR turut mengesahkan wang berjumlah RM76.4 juta dibayar oleh Perwaja kepada tiga pihak asing membabitkan dua syarikat Jepun dan sebuah firma perunding.

Selain itu, BPR mengesan wang berkenaan dimasukkan ke akaun sebuah syarikat berdaftar di British Virgin Island selepas dikeluarkan dari negara ini ke Hong Kong, Jepun dan ke dalam akaun bank di Switzerland.

Perwaja menanggung beban hutang dan kerugian RM10 bilion, membabitkan tanggungan semasa berjumlah RM926 juta, tanggungan jangka panjang RM6.013 bilion, manakala kerugian terkumpul pula berjumlah RM2.985 bilion sebelum diswastakan kepada Maju Holdings Sdn Bhd yang kini menguasai 51 peratus

ekuiti dalam Perwaja Terengganu Sdn Bhd.

Kes Perwaja adalah antara kes paling lama disiasat BPR iaitu sejak mula difailkan pada 1996, walaupun laporan mengenainya diterima pada 1980. Penyiasatan kes itu dikatakan terjejas kerana ada fakta yang tidak terjawab serta turut membabitkan institusi dan individu dari luar negara.

(END)